

# **KLIKJER AFFILIATE KIT**

## **PANDUAN ASAS UNTUK AHLI AFFILIATE DI KLIKJER**

**[www.klikjer.com](http://www.klikjer.com)**

(updated 13/3/2018)

## **Apa itu Affiliate?**

Program affiliate ialah sebuah program agen di internet. Bermaksud, anda (affiliate) akan bertindak sebagai agen (orang tengah) , mempromosikan produk pihak lain (usahawan atau syarikat) dan kemudiannya, anda akan mendapat bayaran (komisen) jika ada pembeli yang membeli produk tersebut melalui link affiliate anda.

## **Apa itu Program Affiliate Klikjer.com**

Klikjer.com adalah merupakan sebuah website program affiliate berpusat kelolaan Klikjer Publishing (002746251-P).


Klikjer Publishing pula adalah merupakan sebuah syarikat penerbitan digital. Oleh itu, banyak produk-produk digital (terutamanya ebook) , telah diterbitkan.

Dengan menyertai program affiliate di klikjer.com , anda boleh memasarkan pelbagai ebook terbitan Klikjer Publishing

Untuk mendaftar sebagai ahli affiliate, anda boleh mendaftar di URL berikut:-  
<http://www.klikjer.com/members/signup.php>


## Bagaimana Mendaftar Sebagai Ahli Affiliate?

1. Lawati url berikut : <http://www.klikjer.com/members/signup.php>



2. Masukkan maklumat-maklumat yang diperlukan.
  - a. Username – akan digunakan sewaktu mahu login nanti
  - b. Password – password pilihan anda
  - c. Email Address – alamat email utama anda
  - d. First name – nama sebenar anda
  - e. Last Name – nama bapa anda
  - f. Street address – alamat rumah / surat menyurat
  - g. Additional address – ruangan tambahan bagi alamat rumah anda
  - h. City – bandar di alamat anda
  - i. State or Province – negeri
  - j. Phone number – masukkan nombor anda
  - k. Zip code – poskod alamat anda
  - l. Country – negara (pilih Malaysia)
  - m. Term and Conditions  
Tandakan check box “I have read, understand and agree to the above terms and conditions.” sebagai tanda anda bersetuju dengan segala terma dan syarat yang ditetapkan.
  - n. **Nama Bank** – masukkan nama bank akaun bank anda, sama ada Maybank, CIMB, RHB, Bank Islam dan sebagainya.
  - o. **No Akaun Bank** – masukkan nombor akaun bank anda.
  - p. **No Kad Pengenalan** – masukkan nombor kad pengenalan anda
  - q. Security Code : tuliskan semula kod yang terdapat di sebelah bawah di ruangan tersebut

3. Selepas selesai mengisi semua ruangan, klik butang “create my account”.
4. Jika tiada masalah, anda akan mendapat mesej “ Your Account Has Been Created”
5. Kini anda sudah boleh login ke akaun anda dengan klik pada link “Affiliate Home”.



The screenshot displays the Klikjer website interface. At the top left is the Klikjer logo. A navigation bar contains links for Affiliate Home, Manage Account, Signup Now, Contact Us, Frequently Asked Questions, and Affiliate Testimonials. The main content area is divided into two columns. The left column contains introductory text about the affiliate program, including sections for 'Welcome To Our Affiliate Program!', 'How Does It Work?', and 'Real-Time Statistics and Reporting!'. The right column features an 'Affiliate Login' form with fields for Username and Password, a Login button, and a red Signup Now button. Below the text is a 'Program Details' table.


Program Details	
Commission Type	Pay-Per-Sale 70% for each sale you deliver.
Payout Requirements	RM1.00 MYR - Minimum balance required for payout.
Payout Duration	Payments are made once per month, for the previous month.

## Bagaimana Mendapatkan Kod/URL Affiliate?

Setelah anda mendaftar sebagai ahli affiliate, maka anda boleh login ke dalam sistem affiliate pada bila-bila masa. Untuk login, anda hanya perlu pergi ke halaman utama [www.klikjer.com](http://www.klikjer.com). Klik pada menu “LOGIN/SIGNUP” yang terdapat di bahagian kanan atas pada halaman klikjer. Ataupun boleh juga anda layari url berikut:-


<http://klikjer.com/members/>

Selepas sign-in, anda akan mendapati paparan berikut untuk halaman utama control panel affiliate anda. Anda sudah boleh “godek-godek” dan klik mana-mana link yang ingin anda terokai.




Kini, tanpa membuang masa, saya akan tunjukkan anda, bagaimana anda boleh mula mempromosikan produk-produk yang terdapat di klikjer.com.

1. Untuk mula mempromosikan link affiliate, klik pada menu “**Marketing Materials > Email Link**” di bahagian menu yang terletak di bahagian atas.



2. Kemudian, anda perlu pilih, produk apakah yang ingin anda promosikan. Caranya adalah dengan memilih “**Marketing Groups**” dan klik “**Display Email Link**”



3. Setelah itu, anda akan diberikan dengan 2 format link. Disini, anda boleh copy & paste link tersebut ke tempat-tempat yang anda ingin promosikan produk ini seperti di blog anda, di website, di forum, facebook dan sebagainya.

Untuk promosi di **facebook, twitter dan email**, copy link di dalam **format ASCII** Manakala untuk promosi di blog, atau website, gunakan link dalam format HTML Version

4. Berikut adalah contoh link affiliate anda

[http://www.klikjer.com/members/idevaffiliate.php?id=4628\\_12](http://www.klikjer.com/members/idevaffiliate.php?id=4628_12)

Dalam url diatas, apa yang paling penting adalah nombor-nombor di penghujung url tersebut, ianya mengandungi id affiliate anda...

4628 – adalah id affiliate anda

12 – adalah kod bagi produk/ebook

Suka diingatkan, agar anda dapat menguji terlebih dahulu url yang anda copy. “Paste” ia di browser dan pastikan ia menuju ke website produk yang anda ingin promosikan.

## Kadar Komisyen

Bermula 1 Mac 2017. Pihak klikjer telah membuat rombakan kadar komisyen affiliate.

Kadar komisyen yang baru adalah secara berperingkat dan mempunyai 5 tahap berdasarkan bilangan jualan yang berjaya dihasilkan oleh affiliate

Berikut adalah tahap-tahap serta kadar komisyen tersebut.

Level 1	1 - 20 Jualan	50% komisyen
Level 2	21 - 40 Jualan	55% komisyen
Level 3	41 - 60 Jualan	60% komisyen
Level 4	61 - 80 Jualan	65% komisyen
Level 5	81 jualan ke atas	70% komisyen

Jika anda berjaya membuat jualan yang pertama, komisyen yang anda akan terima adalah 50% dari harga jualan.

Level ini akan naik secara automatik.

Pada jualan nombor 21 yang anda hasilkan, komisyen yang anda akan terima akan dinaikkan secara automatik kepada 55% dan begitulah seterusnya sehingga kadar komisyen maksimum adalah 70%.

## Soal Jawab Lazim

**S : Siapakah yang boleh mendaftar menjadi Affiliate?**

J : Buat masa ini, keahlian affiliate kami hanya dibuka kepada warganegara Malaysia sahaja yang berumur 13 tahun ke atas.

**S : Adakah sebarang bayaran dikenakan untuk mendaftar sebagai Affiliate?**

J : Pendaftaran sebagai ahli affiliate adalah percuma. Tiada sebarang bayaran dikenakan.

**S : Bagaimana saya boleh menjana pendapatan sebagai Affiliate?**

J : Sebagai affiliate, anda perlulah mempromosikan produk kami. Anda akan memperolehi komisyen bagi setiap jualan yang berlaku hasil dari usaha promosi anda. Komisyen bagi setiap jualan, adalah sebanyak 50% - 70% dari harga jualan.

**S : Bagaimana pihak klikjer mengesan jualan hasil promosi saya?**

J : Pihak kami mempunyai sistem tracking yang canggih. Dimana, cookies yang mengandungi id anda akan ditanamkan di dalam komputer pembeli apabila mereka klik pada link affiliate anda. Cookies ini tidak akan luput buat selama-lamanya (kecuali dipadamkan oleh pemilik komputer). Apabila pembeli membuat belian (mungkin seminggu, sebulan atau setahun selepas itu), sistem kami akan mengesan semula id affiliate anda yang terdapat pada cookies tersebut dan seterusnya, mengkreditkan jualan itu sebagai jualan anda.

**S : Berapakah hasil pendapatan yang boleh saya perolehi?**

J : Ianya tiada had, semakin banyak jualan yang berjaya anda hasilkan, maka semakin banyaklah komisyen serta pendapatan yang akan anda perolehi. Komisyen bagi setiap jualan, adalah sebanyak 50% dari harga jualan.

**S : Bilakah saya akan dibayar / menerima komisyen saya?**



J : Komisyen yang terkumpul selama sebulan, akan dibayar dalam masa 7 hari selepas tamat tempoh bulan tersebut. Sebagai contoh, komisyen yang terkumpul dari 1 Jan 2017 - 31 Jan 2017, akan mula dibayar kepada anda antara 1-7hb Feb 2017.

**S : Bagaimanakah pihak klikjer membayar komisyen tersebut?**

J : Pihak kami akan mengkreditkan jumlah komisyen anda terus ke dalam akaun bank anda. Jadi, pastikan anda meletakkan maklumat berkaitan akaun bank anda dengan tepat di dalam bahagian profile akaun anda.

**S : Akaun bank apakah yang pihak klikjer sokong?**

J : Buat masa ini, pihak kami memberikan keutamaan kepada bank Maybank dan CIMB sebagai medium bayaran komisyen kepada affiliate. Untuk bank-bank lain, pihak kami akan mengenakan caj transaksi sebanyak RM1 yang akan ditolak dari jumlah komisyen anda.

Contohnya, komisyen terkumpul anda pada bulan ini ialah RM250. Maka kami hanya akan membayar RM249 sahaja . RM1 akan ditolak sebagai caj transaksi.

**S : Bagaimana jika saya tiada akaun bank Maybank atau CIMB?**

J : Anda boleh gunakan bank-bank lain, namun, bayaran komisyen akan ditolak caj transaksi sebanyak RM1.00 dari komisyen anda.

**S : Adakah saya perlu request "payout payment"?**

J : Tidak perlu, bayaran komisyen akan dibayar secara automatik kepada anda setiap bulan (selewat-lewatnya pada setiap 7hb), tidak kira berapa pun komisyen terkumpul yang ada di dalam akaun anda.


Jika ada sebarang soalan lain, sila hantarkan soalan anda kepada kami menerusi borang hubungi kami di <http://klikjer.com/contact.html>

**TEKNIK-TEKNIK  
PEMASARAN MUDAH  
& RINGKAS.. SERTA  
PERCUMA!**


## Teknik # 1 : Facebook

Cara yang paling mudah untuk mempromosikan affiliate link anda, adalah dengan mempromosikannya di facebook.

Caranya, login ke bahagian members di klikjer.com dan klik pada menu “Marketing Material > Email Links”




Kemudian, pilih produk/ebook yang anda mahu promosikan dan klik butang “Display Email Links”



Anda akan diberikan dengan 2 format link. **Untuk promosi di facebook, copy link yang berformat ASCII**

Copy link tersebut, kemudian buka facebook anda dan pastekan link tersebut pada ruangan update status di facebook anda.



Kemudian, tunggu beberapa saat dan paparan preview website ebook akan dipaparkan. Setelah preview dipaparkan, anda sudah boleh memadamkan semula link tersebut dan gantikannya dengan ayat-ayat yang menarik seperti contoh dibawah.



Kemudian, tekan butang "Post". Hasilnya akan jadi seperti berikut...




Dengan cara ini, jika ada rakan-rakan facebook anda yang klik pada link tersebut dan kemudian membeli produk tersebut. Maka, anda akan mendapat komisyen.

**Nota & Peringatan :**

1. Hanya copy&paste link affiliate anda ke dalam page/profile facebook anda sahaja atau di group facebook yang dibenarkan untuk mengiklan, jangan lakukannya di page/profile facebook orang lain. Ianya boleh dianggap SPAM jika anda paste url tersebut di facebook orang lain.
2. Teknik ini lebih berkesan jika anda mempunyai bilangan rakan yang ramai di facebook.

## Teknik #2 : Twitter

Sama seperti teknik di facebook tadi, apa yang perlu anda lakukan, pastekan URL affiliate anda pada kotak update status twitter anda.



Tekan butang “Tweet” dan link affiliate anda akan dipromosikan kepada semua rakan-rakan anda yang berada di twitter.



Nota :

Anda boleh menggunakan teknik yang sama, sama ada di akaun myspace, friendster, linked, google plus dan bermacam-macam lagi akaun sosial network yang anda miliki.


## Teknik #3 : Email Signature

Anda juga boleh meletakkan link affiliate anda di bahagian signature email anda. Cara untuk melakukannya, anda perlu pergi ke bahagian setting di profile email anda, dan cari setting untuk “signature”. Masukkan link affiliate anda pada setting signature tersebut.


Dengan cara ini, setiap kali anda menghantar email, ianya akan turut dimasukkan di dalam email anda.

Sebagai contoh, berikut untuk setting signature di gmail.

Login ke dalam gmail anda, dan cari butang setting dibahagian bucu atas kanan. Klik pada “Mail settings”



Kemudian, scroll ke bawah dan cari bahagian signature. Masukkan link affiliate anda di dalam ruangan signature tersebut



Kemudian, tekan butang “Save changes”. Siap!

Ini akan menjadikan, setiap kali anda ingin menghantar email, secara automatik, link affiliate tersebut akan disertakan sekali di dalam email anda dibahagian signature (di bahagian bawah email anda).

## Teknik #4 : Forum Signature

Jika anda ada menyertai mana-mana forum dan seringkali aktif membuat posting di forum tersebut, maka, anda juga boleh setkan signature anda di foun tersebut. Antara forum yang popular di Malaysia adalah seperti :-

- WangCyber.com
- Carigold.com
- Lowyat.net
- Mesra.net
- Cari.com.my
- Putera.com
- Tranungkite.net

Untuk set signature di forum, anda perlu daftar/login sebagai ahli di dalam forum tersebut. Kemudian, lihat pada bahagian profile. Dan kemudian, cari setting untuk signature.

Setiap forum mempunyai menu setting yang berbeza-beza, tetapi apa yang pasti, setting signature selalunya akan ada di bahagian profile.

Dengan cara ini, setiap kali anda membuat post pada forum tersebut, iklan/link affiliate anda akan turut dipaparkan.

Nota :

1. Pastikan sesuatu forum itu adalah aktif jika anda ingin menyertainya. Forum yang aktif bermaksud, ada banyak posting yang baru pada setiap hari.
2. Pastikan juga forum tersebut membenarkan fungsi "signature" di paparkan, sesetengah forum tidak mengaktifkan fungsi signature menyebabkan signature anda tidak dipaparkan pada setiap post anda.




## Teknik #5 : Blog / Website


Jika anda mempunyai blog. Anda boleh memasukkan banner iklan yang disediakan di blog anda.

Sebagai contoh, saya akan tunjukkan anda bagaimana memasukkan iklan banner produk affiliate di dalam blog blogspot.

Apa yang perlu anda lakukan, login ke dalam “dashboard” blogspot anda dan klik pada bahagian “Design” > “Page Elements”.



Klik pada “Add a Gadget” dibahagian yang anda ingin masukkan banner.



Kemudian, pilih gadget “HTML/JavaScript”



### HTML/JavaScript



Add third-party functionality or other code to your blog.

By [Blogger](#)

Ambil kod HTML yang telah disediakan oleh website affiliate. Kod banner boleh diperolehi dari ruangan members, iaitu pada menu "Marketing Materials > Banners". Copy kod tersebut.

Banner Size: 300 x 250

Banner Description: None Given

Target URL: <http://www.teknikberenang.com>



Source Code - Copy/Paste Into Your Website

```
<a href="http://www.klikjer.com/members/idevaffiliate.php?id=100_29_1_119" target="_blank"></a>
```

Pastekan kod tersebut di dalam ruangan yang disediakan pada gadget blogger tadi. Kemudian "Save"



Dan hasilnya, anda akan dapati iklan banner tersebut dipaparkan di blog anda.

**THE TWITTER TRAFFIC MACHINE**

**Twitter Traffic Machine Review - Scam or Not?**

Are you looking for new marketing methods that offer complete automated solutions to drive traffic to your web site and increase your revenue? Look no further, as Bill Crosby has developed the best solution to help you achieve your goals.

The Twitter Traffic Machine is designed to run on a completely automated system. Bill calls it the Twitter Growth and Money-Making System designed for internet marketers who want to set up a system that does the job for them.

The Twitter is without doubt an amazing new system, which has a real autopilot that continues to rake in the money for you. You can go about your daily chores or business while the Twitter pulls in the dough.

Since 2008, Bill has seriously increased the amount of his twitter followers and developed the product that truly makes money "directly from this growth." Money comes in every day, and it is duplicated as days go by. [Visit the Twitter Traffic Machine.](#)

Bill encourages you to watch his video available at his website. Some people have spent countless of hours on our Twitter system, which others think it is a waste of time, but those are the people who have learned how to make seamlessly streams of income in a short time.

Some people have made thousands of dollars by building

ADS

**Malu Sel Tak Pa Berena**

THE TWITTER TRAFFIC MACHINE

The System Explains How To Grow A Twitter Account Rapidly W/total Automation Via 5 Videos. In Video 6, We Then Show How Create A Viral Affiliate Business. The System Is Automated For Affiliates Using Your Twitter Account. Turn It On, Forget, & Make Money!

**Nota :**

1. Sebaiknya, pastikan produk affiliate yang anda ingin iklankan di blog anda itu adalah berkaitan dengan topik blog anda. Contohnya, jika blog anda selalu bercerita tentang kucing, maka, lebih sesuai jika anda meletakkan iklan produk yang berkaitan dengan kucing.

# TIPS-TIPS EXTRA AFFILIATE

## TIPS #1. MEMBERI CADANGAN.

Peranan utama affiliate adalah.. Mencadangkan (rekemen).... BUKAN Menjual.

Ramai yang tersilap langkah, membuat promosi dengan niat terlalu mahu menjual. Akibatnya, promosi tersebut kelihatan terlalu "desperate" untuk menjual.

Contoh promosi desperate yang menjual.

- Dapatkan segera ebook bisnes aiskrim ini!
- Klik disini segera untuk dapatkan ebook hebat ini!

Itu adalah cara yang kurang tepat.

Sebenarnya, tugas affiliate hanyalah mencadangkan. Bukan menjual.

Tugas menjual adalah terletak pada "salesletter" di website jualan ebook.

Ibaratkan anda baru sahaja selesai makan mee kari yang paling sedap di kedai Pak Abu.

Jadi, apabila anda bertemu dengan rakan-rakan anda.. adakah anda akan kata..

"Cepat! Dapatkan segera mee kari di kedai Pak Abu! Sekarang!"

Tentu tidak bukan?

Tetapi, selalunya anda akan bercerita...

*"Semalam.. aku first time pergi ke kedai Pak Abu. Tengok kedai macam biasa-biasa je. Tapi sebab lapar, aku orderlah mee kari. Tak sangka betul.. sedap giler mee kari dia.. siap lepastu, aku order bungkus lagi. Bla.. bla.. bla.... korang trylah nanti makan kat sana bila ada masa!"*

Nampak tak perbezaannya?

Bila kita pasang niat untuk berkongsi dan rekemen.. biasanya kita akan ada banyak idea untuk menulis dan bercerita.

Berbanding jika kita hanya berniat nak menjual-jual-jual dan jual. Biasanya nanti kita akan kehabisan idea dan tak tahu nak tulis apa.

---

Teknik ni sesuai digunakan di Facebook dan blog.

## **TIPS #2 : KENALI AUDIENCE/FOLLOWER ANDA!**

Ini adalah perkara yang paling penting. Jika anda tahu siapakah audience anda, maka, tidak akan timbul persoalan ebook apa yang paling top atau hot?

Ebook yang paling hot di klikjer, mungkin ialah ebook RahsiaTaobao.

Tetapi jika anda mempunyai blog atau fanpage yang banyak bercerita tentang resepi, maka ianya adalah tidak relevan untuk mempromosikan ebook Taobao di blog anda.

Perkara yang paling penting disini ialah, kenali terlebih dahulu siapakah audience (pembaca blog/follower fanpage / subscriber mailing list/ rakan-rakan fb) anda?

Selepas anda dah tahu siapa audience anda, barulah pilih ebook yang sesuai di klikjer untuk dipromosikan kepada audience anda.

## **TIPS #3 : FOKUS.**

Ini satu Tip yang mungkin akan mengejutkan anda!

Sebenarnya, semua affiliate yang menjana ratusan dan ribuan ringgit komisyen setiap bulan, mereka sebenarnya hanya mempromosikan 1-2 produk sahaja.

Membuat promosi betul-betul untuk 1-2 produk sebenarnya lebih berimpak tinggi berbanding mempromosikan banyak produk secara "gitu-gitu" je.

Jadi, cuba pilih satu ebook yg anda rasa paling sesuai dengan audience anda (tip #2) dan anda rasa anda boleh "cerita banyak"(tips #1) tentang topik ebook tersebut. Fokus promote ebook tersebut secara kaw-kaw...

Insyallah, anda akan dapat lihat hasilnya..

#### **TIPS #4 : POWER OF 3/5/7.**

Setelah anda memilih satu ebook yang betul-betul mahu dipromosikan. Langkah seterusnya, adalah menulis 3/5/7 artikel yang berkaitan dengan ebook tersebut.

Sebagai contoh.

Ebook Pilihan : Bisnes Aiskrim

Maka, anda boleh menulis 3/5/7 artikel yang bertajuk seperti berikut..

1. Cara buat aiskrim milo & vanila yang paling simple!
2. 15 Jenis Aiskrim Di Malaysia Yang Anda Perlu Tahu!
3. Kelebihan & Kekurangan Bisnes Aiskrim
4. 5 Kedai Aiskrim Yang Paling Popular Di Dunia
5. Kisah Brader Jual Aiskrim Naik Volkswagen
6. RM5,000 Sebulan, Jual Aiskrim Secara Part Time!
7. Review Ebook Bisnes Aiskrim

Pada setiap artikel tersebut, letakkan link afiliate anda pada perenggan terakhir.. contohnya...

"Jika anda berminat untuk mengetahui tentang selok-belok memulakan perniagaan aiskrim, anda boleh dapatkan info lengkap di website.... [www . URLAffiliateAnda . com](http://www.URLAffiliateAnda.com)

Selepas itu... setelah anda siap menulis 3/5/7 artikel tersebut, maka anda bolehlah letakkan artikel tersebut di..

1. Blog Anda
2. Blog Orang Lain (sebagai guest post/advertorial)
3. Facebook
4. Fanpage
5. Facebook Group
6. WhatsApp Group
7. Telegram Group
8. LinkedIn
9. SlideShare
10. Forum
11. Mailing list anda
12. Mailing list orang lain (beli solo ads)

Jika anda lakukan tips ini, insyallah, ianya pasti akan mendatangkan hasil.



### **TIPS #5 : BINA KOLAM SENDIRI.**

Cara yang lebih bijak untuk makan ikan setiap hari adalah dengan membina kolam ikan anda sendiri.

Dengan adanya kolam ikan sendiri, anda boleh tangkap ikan tersebut bila-bila masa yang anda mahukan.

Berbanding jika anda tidak mempunyai kolam sendiri, maka anda perlu memancing di pelbagai tempat. Kadang-kadang dapat, kadang-kadang tak dapat. Ikut nasib.

Begitu juga halnya dengan menjadi affiliate.

Jika anda sudah ada "kolam" sendiri, maka ianya lebih mudah untuk anda promosikan apa sahaja produk affiliate pada bila-bila masa.

"Ikan di kolam" ini boleh berbentuk...

1. Subscriber dalam mailing list anda
2. Subscriber/reader blog anda
3. Members dalam channel Telegram anda.
4. Follower Facebook/fanpage
5. Follower instagram
6. Subscriber channel YouTube anda.

Setiap platform/channel untuk membuat kolam ada kelebihan dan kekurangan masing-masing. Boleh pilih-pilih mana yang sesuai dengan anda

## **TIPS #6 : IDEA ARTIKEL**

Dalam tips #5, saya ada berikan tips agar anda menulis 3/5/7 artikel berkaitan topik ebook yang mahu dipromosikan.

Tapi timbul pula persoalan.. macam mana nak cari idea untuk tulis artikel-artikel tu semua? Baiklah.. ini salah satu cara yang boleh anda lakukan.

Caranya... Translate & olah semula artikel mat salleh ke bahasa Melayu.

Contohnya, search di Google "Instagram tips".. anda akan jumpa berlambak-lambak artikel menarik berkaitan Instagram tips. Jadi, anda bacalah beberapa artikel dan kemudian, olah semula artikel tersebut dengan gaya penulisan anda ke dalam bahasa melayu.

Mudah kan? Jom buat sekarang!

## **TIPS #7 : PENDEKKAN URL.**

URL affiliate yang diberikan oleh pihak klikjer sememangnya agak panjang.

Jadi, untuk nampak lebih kemas, anda boleh gunakan peringkas url seperti [bit.ly](http://bit.ly) , [tinyurl.com](http://tinyurl.com) ataupun [goo.gl](http://goo.gl)

Secara personal, saya lebih gemar menggunakan [bit.ly](http://bit.ly) sebagai peringkas URL . Sebab.. [bit.ly](http://bit.ly) ada sediakan sekali data analytic (dengan syarat anda daftar free account).

Jika anda mempunyai website blog yang menggunakan wordpress. Anda mungkin boleh install plugin URL shortener seperti ClickMeter untuk memendekkan url link affiliate anda.

### **TIPS #8 : BANNER IS DEAD.**

Jika anda sekadar meletakkan banner di blog anda tanpa ada apa-apa ulasan atau ayat, sama ada di header, sidebar atau sebagainya. Kemungkinan besar untuk anda mendapat jualan, adalah sangat-sangat-sangat rendah.

Malah, lebih teruk lagi, tiada siapa yang klik banner tersebut.

Cara yang lebih baik, adalah letakkan banner tersebut di dalam artikel yang berkaitan. Mungkin pada perenggan ke tiga atau pada perenggan yang terakhir.

Contohnya, anda membuat satu post di blog anda tentang.. 7 Kelebihan Berniaga Aiskrim Secara Part Time! Di dalam post tersebut, anda boleh selitkan banner promosi ebook "Bisnes Aiskrim"

### **TIPS #9 : JANGAN SHARE TERUS LINK DI POST!**

Apabila anda mahu promote link affiliate anda, seeloknya, cuba elakkan post link/url secara direct pada bahagian post di fb.

Cara yang lebih berkesan, buat sedikit ayat "teaser"... dan minta mereka komen "PM" atau apa-apa sahaja di ruangan komen jika mereka berminat. Setelah mereka tinggakan komen, barulah anda PM mereka dan berikan link tersebut di dalam PM.

Oh yeah! Lebih berkesan lagi, anda upload sekeping gambar yang berkaitan bersama-sama post tersebut.

Dengan cara ini, anda akan dapat engagement yang lebih banyak dan lebih ramai yang akan berminat. Berbanding jika anda post terus link website pada post. Kebiasaannya.. ramai yang akan sekadar lihat dan scroll sahaja. Tidak komen , tidak like dan tidak klik...


Ini contoh post yang tidak meletakkan sebarang link. Link affiliate hanya diberikan menerusi PM kepada mereka yang meninggalkan komen. Post ini mendapat 263 komen. Dan dilihat oleh 14,159 orang.

**Post Details** Reported stats may be delayed from what appears on posts

**Klikjer.com**  
November 17, 2017 · 🌐

10 tahun lalu, zaman-zaman siti nurhaliza belum kahwin... memang seronok buat iklan & marketing kat facebook!

Buat satu post kat profile.. hampir 90% dari kawan-kawan dapat lihat post kita tu. Tak payah nak buat boost post.... [See More](#)



**14,159** people reached Boost Post

Recent Activity

Boosted on Nov 17  
Audience: Lookalike (MY, 1%) - RT Buyer, Malaysia...  
By Mohd Suhaimy · Completed

[View Results](#)

105 263 Comments 4 Shares

Like Comment Share

**Performance for Your Post**

**14,159** People Reached

**707** Reactions, Comments & Shares

<b>148</b> Like	<b>107</b> On Post	<b>41</b> On Shares
<b>1</b> Love	<b>1</b> On Post	<b>0</b> On Shares
<b>554</b> Comments	<b>523</b> On Post	<b>31</b> On Shares
<b>4</b> Shares	<b>4</b> On Post	<b>0</b> On Shares

**2,167** Post Clicks

<b>152</b> Photo Views	<b>1</b> Link Clicks	<b>2,014</b> Other Clicks
------------------------	----------------------	---------------------------

**NEGATIVE FEEDBACK**

<b>1</b> Hide Post	<b>5</b> Hide All Posts
<b>0</b> Report as Spam	<b>0</b> Unlike Page


Insights activity is reported in the Pacific time zone. Ads activity is reported in the time zone of your ad account.

Ini pula contoh post yang mempunyai link. Link website ebook diberikan terus pada bahagian post. Hasilnya, hanya terima 2 komen dan dilihat oleh 1,938 orang sahaja.

Post Details Reported stats may be delayed from what appears on posts

**Klikjer.com**  
November 13, 2017 ·

TAHUKAH ANDA?  
1. Pengguna WeChat kini telah melebihi 900juta orang pada tahun 2017.  
.... See More



**Klikjer.com**  
Publisher Send Message

**1,938 people** reached Boost Post

Recent Activity

Boosted on Nov 13  
Audience: Malaysia: Shah Alam Selangor, People ...  
By Mohd Suhaimy - Completed  
[View Results](#)

18 2 Comments 6 Shares

Like Comment Share

**Performance for Your Post**

**1,938** People Reached

**36** Reactions, Comments & Shares

25 Like	19 On Post	6 On Shares
3 Wow	1 On Post	2 On Shares
2 Comments	2 On Post	0 On Shares
6 Shares	6 On Post	0 On Shares

**127** Post Clicks

25 Photo Views	13 Link Clicks	89 Other Clicks
----------------	----------------	-----------------

**NEGATIVE FEEDBACK**

0 Hide Post	0 Hide All Posts
0 Report as Spam	0 Unlike Page

Insights activity is reported in the Pacific time zone. Ads activity is reported in the time zone of your ad account.

### **TIPS #10 : CHECK & UPDATE BLOG POST LAMA.**

Tips ini khas untuk mereka yang sudah lama mempunyai blog.

Sedar atau tidak. Kadang-kadang, post-post lama yang pernah kita buat di blog kita, post itulah yang paling tinggi kedudukan ia di SERP (search engine ranking position) bagi sesuatu keyword.

Jadi, cuba luangkan sedikit masa untuk check semula post-post lama di blog kita tu.. dalam artikel tu ada tak apa-apa link affiliate?

Kalau tak ada... Maka cepat-cepat update post tersebut dan masukkan link affiliate yang dirasakan sesuai dan berkaitan.

Cara lain, kita juga boleh cuba semak dalam report traffic blog kita, dan cuba cari, post mana yang paling ramai orang baca atau lawati dalam blog kita?

Update post tersebut dan masukkan link affiliate.

Ok! Cepat buat sekarang...

Kalau tak.. rugi.. Bak kata omputih.. "You are leaving money on the table bro!"


### TIPS #11 : USAHA DAN SABAR.

Kadang-kadang, usaha yang kita buat, tidaklah kita dapat hasilnya secara serta-merta.

Contohnya, macam affiliate ni. Selepas 2 tahun lebih cookies id affiliate beliau tertanam di komputer pembeli. Barulah pembeli tersebut membuat pembelian.

Jadi, usahlah cepat putus asa dan merungut bila usaha promosi yang kita usahakan hari ini nampak macam tiada hasil. Mungkin belum tiba masanya.

Teruslah usaha.. bak kata en ustaz.. rezeki tak pernah salah alamat.



<b>Sale Amount</b>		RM30.00 MYR
<b>Cart/Billing System</b>		Easy Digital Downloads
<b>Tracking Method</b>	<a href="#">info</a>	IP Address - API Style
<b>Conversion Time</b>	<a href="#">info</a>	792 days, 6 hours, 54 minutes and 20

## **TIPS #12 : BANTU PEMBELI**

Kadang-kadang, ada juga pembeli yang tak pandai isi borang order, atau ada masalah nak isi borang order.

Mungkin sebab internet slow atau browser phone/komputer mereka ada masalah.. atau mereka memang tak tahu dan pelbagai lagi alasan.

Jika ada pembeli yang menghadapi masalah ini dan mengadu kepada anda (affiliate).

Apa yang boleh anda lakukan, ialah, minta nama, email & phone mereka.

Kemudian, anda isikan borang order untuk mereka.  
Sudah pastinya, gunakan link affiliate anda untuk membuat order.

Kemudian, mereka akan mendapat email invoice.  
Suruh mereka bayar kepada no akaun yang tertera dalam email invoice tersebut, dan reply email tersebut beserta bukti bayaran.

Kadang-kadang ada juga yang tak tahu nak reply email. Boleh juga minta mereka whatsappkan terus bukti bayaran ke no phone yang tertera di dalam email invoice tu.



### **TIPS #13 : QUALITY TRAFFIC VS QUANTITY TRAFFIC.**

Sering juga berlaku, affiliate buat iklan dan dapat banyak klik. Dari rekod log traffic, ada 500 orang sudah klik iklan mereka.. tetapi, malangnya.. tiada satu sales pun yang diperolehi.

Ada juga affiliate yang hanya mendapat 20 klik sahaja tetapi sudah berjaya mendapat komisyen 1 jualan.

Perkara ini saya perasan apabila melihat pada report top traffic referral dan top earner. (gambar dibawah adalah merupakan rekod untuk 90 hari yang lalu).

Top Referral = orang yang paling banyak bawa trafik.

Top Earner = orang yang paling banyak dapat komisyen.

Anda boleh lihat sendiri..

Dari 10 Top Earner... hanya 1 sahaja yang datang dari Top Referral.. iaitu id rossacalla... itupun berada pada tangga ke 9.

Manakala 9 lagi top earner.. tidak termasuk pun dalam 10 top referral.

Bermaksud... kebanyakan top earner, hanya membawa trafik yang sedikit sahaja ke laman jualan...

**TETAPI... trafik yang sedikit itulah yang paling banyak membeli!**

Kebanyakan trafik yang dibawa oleh TOP Earner adalah trafik yang betul-betul berkualiti di mana, trafik tersebut adalah trafik yang mempunyai minat serta keinginan yang tinggi untuk membeli.

---

Rank	Affiliate	Unique Hits
1.	rossacalla	██████████
2.	acidcun	██████████
3.	chiiizle	██████████
4.	response	██████████
5.	uwish	██████████
6.	about	██████████
7.	cdiq3173	██████████
8.	akupenghibu...	██████████
9.	hadizul	██████████
10.	sabreehussin	██████████

Rank	Affiliate	Earnings
1.	nigelballack87	██████████
2.	blogs	██████████
3.	fbads13	██████████
4.	reezluv	██████████
5.	jiesusanos	██████████
6.	chiiizle	██████████
7.	ohkerjakoso...	██████████
8.	drsolah	██████████
9.	rossacalla	██████████
10.	rajananif	██████████

nigelballack - trafik beliau banyak dari fanpage rahsia taobao yang beliau bina khas untuk mengumpul prospek/fan yang berminat untuk tahu mengenai borong china secara online.

blogs - trafik beliau pula banyak dari google adword dimana, trafik ini memang sedang "kelaparan" dan sedang mencari-cari info.

fbads13 - trafik dari iklan fbads, beliau nampaknya mahir menggunakan fbads dan pandai setting target audience.

reezluv & jiesusanos - banyak trafik dari SEO -> blog -> klikjer.  
Orang cari maklumat di google, jumpa blog beliau yang cerita pasal topik ebook.. kemudian beliau halakan trafik tersebut ke web ebook klikjer. Akhirnya orang beli.

drsolah - beliau buat satu blog khas untuk topik saham, dalam blog tersebut banyak link ke ebook sistem saham.

rosacalla - trafik beliau adalah dari blog yang niche "macam-macam"... trafik yang dibawa sangat banyak, tetapi ianya kurang targeted.. walaupun begitu... tetap ada hasil, tetapi, jika dikira kadar trafik/jualan.. ianya sangat rendah.

-----

Apa yang penting disini...

Pastikan iklan anda di diletakkan pada tempat yang tepat supaya dilihat oleh orang yang tepat.

## Penutup

Diharapkan, info yang diberikan di dalam ebook ini dapat membantu anda untuk memulakan langkah di dalam menjadi seorang affiliate yang berjaya. Saya percaya, info-info yang diberikan ini akan dapat membantu anda menghasilkan sekurang-kurangnya satu jualan jika anda melakukannya dengan bersungguh-sungguh.

Dan ya! Semua teknik yang diberikan di dalam panduan ini adalah merupakan teknik pemasaran percuma, saya faham.. sebagai langkah permulaan, anda mungkin tidak mahu menanggung sebarang risiko dan kurang selesa untuk mengeluarkan sebarang modal untuk aktiviti pemasaran. Ini adalah langkah yang baik untuk peringkat permulaan..

Jadi, usah berlengah lagi, lekas bertindak sekarang!

Sekian, semoga berjaya!

Wassalam.

Yang Benar.



Mohd Suhaimy a.k.a shuth

Admin

[www.klikjer.com](http://www.klikjer.com)

Klikjer Publishing (002746251-P)

[www.klikjer.com](http://www.klikjer.com)